

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PENUTUPAN MINGGU PELABURAN BERSAMA PNB**  
**DI PWTC, KUALA LUMPUR**  
**13 JUN 1999**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid Pengerusi Permodalan Nasional Berhad

Y.Bhg. Encik Hamad Kama Piah Bin Che Othman Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk

Tuan-tuan dan puan-puan

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana telah menjemput saya untuk menyempurnakan upacara penutup minggu pelaburan bersama PNB yang berlangsung selama 5 hari. Saya difahamkan minggu pelaburan bersama PNB telah berjaya dilaksanakan dengan baik sekali. Alhamdulillah, pada pagi ini kita dapat pula berkumpul bersama-sama di majlis ini, bagi meraikan kejayaan minggu pelaburan bersama PNB yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri kita pada 9 Jun lalu.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada kumpulan PNB kerana telah menganjurkan minggu pelaburan bersama PNB dengan jayanya. Kejayaan mingguan pelaburan bersama PNB ini membuktikan keberkesanan langkah yang telah diambil oleh pihak PNB untuk meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman di kalangan para pelabur dari pelbagai lapisan masyarakat, mengenai pentingnya pelaburan dan juga mengenai peluang-peluang pelaburan yang tersedia ada, bagi rakyat di negara ini untuk melabur secara yang bijaksana. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat kekayaan negara terus dinikmati oleh semua rakyat. Justeru itu, adalah wajar sekali, semua golongan rakyat mengambil manfaat daripada peluang-peluang pelaburan yang disediakan, untuk bukan sahaja menikmati faedah daripada pulangan yang diperolehi, tetapi buat masa yang sama membantu proses pembangunan sosio-ekonomi negara. Dari segi ekonomi pula, simpanan wang rakyat yang banyak akan meneguhkan lagi ekonomi sesebuah negara. Kekukuhan dan keteguhan ekonomi sesebuah negara itu bukan sahaja bergantung kepada kekayaan sumber-sumber aslinya tetapi juga setinggi mana kadar simpanan wang rakyat negara berkenaan. Oleh itu kita tidak ada pilihan lain selain meningkatkan lagi jumlah simpanan wang rakyat di samping mengajar kita semua supaya mengamalkan tabiat berjimat cermat.

3. Kita harus bersyukur kerana di Malaysia ini, kekayaan negara telah dapat diagih-agihkan kepada rakyat dengan adil dan saksama, kerana kerajaan sememangnya mengambil berat tentang kebajikan rakyatnya. Bagaimanapun, sikap berjimat cermat perlu dipertingkatkan oleh rakyat bagi memastikan rakyat tidak membazir. Berbagai bentuk amanah saham telah dibentuk untuk memastikan rakyat dapat menikmati faedah daripada pembangunan pesat negara. Oleh itu, usaha- usaha lebih giat dan aktif perlu dilaksanakan untuk menggalakkan tabung dan pelaburan,

terutama di dalam saham-saham amanah. Di dalam hal ini, sokongan dan penglibatan positif organisasi dan institusi- institusi yang terlibat adalah diperlukan untuk mengambil langkah ke depan bagi mengadakan kempen- kempen penerangan tentang kebaikan dan faedah menabung dan melabur dalam saham-saham amanah dilakukan secara berterusan, demi meningkatkan lagi masyarakat celik pelaburan dan menceburi perniagaan sekuriti. Apa tidaknya dengan menyertai skim pelaburan ini, rakyat khas bumiputera boleh meluaskan pengetahuan mereka tentang cara-cara melaburkan wang simpanan mereka secara lebih berfaedah dan selamat di negara ini. Dengan proses pemulihan ekonomi negara yang begitu menggalakkan kini, saya berharap kita sama akan terus mengamalkan sikap berjimat cermat dan meningkatkan tabungan bagi membantu mempercepatkan lagi pemulihan ekonomi negara.

4. Ini boleh dicapai dengan memastikan kempen-kempen pelaburan tidak hanya tertumpu kepada usaha mempromosikan produk masing-masing sahaja, tetapi juga memberi penekanan kepada pendidikan tentang pelaburan dan sikap berjimat cermat, khususnya di kalangan generasi muda. Pendedahan awal tentang konsep dan manfaat melabur ini amatlah penting di dalam pembentukan masyarakat Malaysia yang celik pelaburan yang akan seterusnya mendorong kepada pembentukan masyarakat yang mampu berdaya saing dalam arena ekonomi tempatan dan global, terutama dalam menghadapi cabaran di alaf baru nanti.

5. Di sini saya ingin menyeru rakyat Malaysia supaya menyokong penuh usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan, iaitu dengan memanfaatkan peluang-peluang yang diwujudkan untuk melabur. Pengisytiharan untuk meraikan Minggu Saham Amanah Malaysia pada setiap tahun mulai tarikh 20 April, seperti yang telah diumumkan oleh yab perdana menteri baru-baru ini haruslah dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia untuk mempertingkatkan bukan sahaja pengetahuan tentang pelaburan tetapi aktiviti-aktiviti penabungan dan pelaburan itu sendiri. Kerajaan amat prihatin dan mengambil berat tentang perkembangan industri pelaburan saham amanah, khususnya pelaburan dalam skim-skim saham amanah yang diuruskan oleh PNB seperti skim ASN, ASB, skim ASW 2020 dan skim ASN 2 yang telah dilancarkan baru-baru ini oleh YAB Perdana Menteri. Sokongan kerajaan terhadap minggu pelaburan bersama PNB ini, membuktikan bahawa kerajaan memandang serius kepada usaha-usaha meningkatkan tabungan dan pelaburan serta mendidik rakyat Malaysia, terutamanya masyarakat bumiputera tentang pelaburan dan kepentingannya dalam memantapkan lagi pembangunan ekonomi negara.

6. Kerajaan menubuhkan permodalan nasional berhad sebagai salah satu jentera terpenting dalam usaha menjayakan Dasar Ekonomi Baru, iaitu dasar yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Sehingga kini, PNB berjaya menggembelng tabungan berjumlah lebih daripada RM30 bilion daripada 7 juta pelabur melalui skim-skim yang diuruskannya. Selain itu, PNB juga menjalankan tanggungjawabnya untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan melabur. Melalui proses pendidikan ini, adalah diharapkan PNB akan terus berperanan sebagai penggerak utama kepada pembentukan ramai lagi masyarakat Malaysia yang bukan sahaja celik pelaburan tetapi menghasilkan juga para profesional di bidang pelaburan dan kewangan. Ini jelas daripada usaha PNB menubuhkan "PNB Investment Institute" yang mana bagi meningkatkan lagi gunatenaga mahir di- bidang pengurusan kewangan dan pelaburan. Sebagai pemimpin dalam industri saham amanah di Malaysia, saya yakin PNB mampu menjadi institusi pelaburan "the best in class" dan "trend setter" kepada industri pelaburan di negara ini.

7. Usaha-usaha PNB selama 21 tahun, amatlah dibanggakan dan minggu pelaburan bersama PNB ini merupakan salah satu usaha PNB yang sungguh murni dalam mendekati lagi masyarakat kepada PNB. Saya berharap usaha-usaha seperti ini akan diteruskan untuk mengekal dan meningkatkan minat dan kesedaran masyarakat terhadap pelaburan. Saya yakin dengan pengalaman dan kemahiran yang begitu luas, PNB akan dapat terus menerajui dan menggerakkan perkembangan industri saham amanah dengan lebih pesat lagi. Walaupun telah mencapai banyak kejayaan, saya berkeyakinan penuh PNB akan terus menimba banyak lagi kejayaan di masa depan. Saya juga yakin dengan kepimpinan yang ada di PNB kini. Saya berharap usaha-usaha akan terus dilakukan untuk memperteguhkan lagi daya saing dan daya maju PNB bagi meraih kejayaan demi kejayaan dan seterusnya membantu mempercepatkan proses pembangunan sosio-ekonomi negara dan kecapaian wawasan 2020. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan syabas kepada PNB dan syarikat-syarikat pelaburannya yang mengambil bahagian dalam menjayakan minggu pelaburan bersama PNB. Saya yakin minggu ini telah mencapai matlamatnya dan telah memberi kebaikan dan manfaat kepada orang ramai yang mengunjungi minggu pelaburan bersama PNB.

8. Dengan ini, saya dengan sukacitanya menutup minggu pelaburan bersama PNB.

Terima kasih.